

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

BULETIN MOT



10 OGOS 2020

Majlis APC 2019 Dan
Jasamu Dikenang
2020



11 MAC 2020

YB Menteri Dan YB Timbalan
Menteri Pengangkutan
Memulakan Tugas
Secara Rasmi



22 NOVEMBER 2020

DYMM Sultan Johor Rasmi
Majlis Pecah Tanah
RTS Link Secara Maya

30 OKTOBER 2020
Pelancaran Pelan
Antirasuah Organisasi
(OACP) 2020-2025



11 DISEMBER 2020

Pra Pelancaran
Kempen Keselamatan
Berbasikal



5 SEPTEMBER 2020

Program CSR Dan
Aktiviti Riadah
"White Water Rafting"



Kejayaan MOT
Merealisasikan Pewartaan
RUU Pengangkutan
Jalan (Pindaan) 2020

18 DISEMBER 2020
Program Kembali
Ke Sekolah Dan
Agihan Zakat



YB Menteri Dan YB Timbalan Menteri Pengangkutan Memulakan Tugas Secara Rasmi



Menteri Pengangkutan, YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong dan Timbalan Menteri Pengangkutan, YB Haji Hasbi Haji Habibollah telah memulakan tugas secara rasmi di Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) pada 11 Mac 2020.

Pada hari pertama memulakan tugas, YB Menteri Pengangkutan telah mengadakan satu sesi sidang media ringkas dan seterusnya mempengerusikan mesyuarat bersama barisan Pengurusan Tertinggi MOT. Seluruh warga kerja MOT mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas pelantikan YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong dan YB Haji Hasbi Haji Habibollah.

Kejayaan MOT Merealisasikan Pewartaan RUU Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2020



Menteri Pengangkutan, YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong membentangkan Rang Undang-Undang (RUU) Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2020 untuk bacaan kali kedua di Dewan Rakyat pada 26 Ogos 2020

Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) memandang serius isu berkaitan pemandu di bawah pengaruh alkohol atau dadah atau memandu secara melulu dan merbahaya yang menyebabkan kemalangan sehingga meragut nyawa pengguna jalan raya yang lain termasuk anggota penguatkuasa yang sedang bertugas. Sehubungan itu, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah diminta untuk meneliti semula Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) berhubung perkara ini khususnya Seksyen 41 hingga 45 mengenai hukuman terhadap mereka yang memandu di bawah pengaruh alkohol atau dadah atau memandu secara melulu atau merbahaya.

Pada masa yang sama, Seksyen 45 dan 45A yang berkaitan menjaga kenderaan motor semasa berada di bawah pengaruh minuman yang memabukkan atau dadah dan dengan kepekatan alkohol melebihi had yang ditetapkan masing-masing juga diteliti semula.

Rang Undang-Undang (RUU) Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2020 ini telah dikemukakan serta diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 17 Julai 2020 dan pada 27 Julai 2020, ia dibaca buat kali pertama di Dewan Rakyat.

RUU Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2020 telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 26 Ogos 2020 dan Dewan Negara pada 22 September 2020 serta telah mendapat perkenan oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong pada 16 Oktober 2020.

Pada 20 Oktober 2020, MOT telah menerima instrumen Penetapan Tarikh Permulaan Kuat Kuasa Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2020 daripada Jabatan Peguam Negara dan pada 21 Oktober 2020, YB Menteri Pengangkutan telah menandatangani dalam satu majlis yang ringkas, turut disaksikan oleh Timbalan Menteri Pengangkutan, YB Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah, Ketua Setiausaha MOT, YBhg. Datuk Isham Ishak, Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan dan Operasi) JPJ Malaysia, Encik Zamakhshari Hanipah dan barisan kepimpinan tertinggi MOT di mana ianya merupakan detik bersejarah dan bermakna bagi warga MOT secara keseluruhannya.



Menteri Pengangkutan, YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong memegang instrumen Penetapan Tarikh Permulaan Kuat Kuasa Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2020

Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2020 yang mengenakan hukuman lebih berat terhadap pesalah jalan raya khususnya melibatkan Seksyen 41 hingga Seksyen 45 telah mula dikuatkuasakan pada 23 Oktober 2020.

MOT mengharapkan agar Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2020 ini dapat memberikan kesedaran kepada orang ramai terhadap pematuhan undang-undang dan memastikan jalan raya di negara ini kekal selamat, demi kepentingan rakyat khususnya pengguna jalan raya.

Pemeteraian Perjanjian Projek RTS Link Di Antara Malaysia Dan Singapura



Pada 30 Julai 2020, YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, Menteri Pengangkutan Malaysia dan Ong Ye Kung, Menteri Pengangkutan Singapura telah secara simbolik mengadakan pertemuan di Tambak Johor sebagai tanda bersetuju meneruskan projek Sistem Transit Rapid (RTS) Link dengan masing-masing memegang dokumen rasmi.

Acara simbolik tersebut disaksikan oleh pemimpin utama kedua-dua negara iaitu Tan Sri Muhyiddin Yassin, Perdana Menteri Malaysia dan Lee Hsien Loong, Perdana Menteri Singapura. Turut hadir ialah Menteri Kanan, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Menteri Luar, Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein dan Menteri Besar Johor, Datuk Haji Hasni Mohammad, manakala di pihak Singapura pula, antara yang hadir ialah Menteri Luar, Dr. Vivian Balakrishnan dan bekas Menteri Pengangkutan, Khaw Boon Wan.

RTS Link yang merupakan alternatif bagi mengurangkan kesesakan di laluan Tambak Johor merangkumi pembinaan laluan sepanjang 4 kilometer menghubungkan Bukit Chagar di Johor Bahru dan Woodlands di Singapura. Pembinaan projek RTS Link itu telah melalui beberapa siri dan tempoh perbincangan yang lama di bawah kepimpinan tiga Perdana Menteri Malaysia, dan ia dijangka menelan kos sebanyak RM3.7 bilion meliputi spesifikasi yang telahpun dipersetujui oleh Malaysia dan Singapura. Projek berkenaan yang mempunyai dua fasa pembinaan dijangka bermula tahun 2021 dan siap akhir hujung tahun 2026.

Sultan Johor Rasmi Majlis Pecah Tanah Projek RTS Link Secara Maya



Sumber Gambar : Facebook DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar

DYMM Sultan Johor, Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar telah berkenan menyempurnakan “Majlis Pecah Tanah Projek Sistem Transit Rapid (RTS) Link” yang menghubungkan Johor Bahru dan Singapura. Bagi mengekang penularan wabak COVID-19, majlis telah diadakan secara maya seiring dengan titah nasihat DYMM Sultan Johor.

Bersempena Ulang Tahun Hari Keputeraan DYMM Sultan Johor yang jatuh pada 22 November, majlis pecah tanah ini telah berlangsung di tapak projek bangunan Imigresen, Kastam dan Kuarantin di Bukit Chagar dengan disaksikan oleh Baginda Tuanku Sultan secara maya dari Balai Mengadap Istana Bukit Serene, Johor Bahru. Baginda Tuanku Sultan turut berkenan menandatangani plak perasmian disusuli dengan simbolik pecah tanah oleh mesin cerucuk di Bukit Chagar.

Berangkat sama pada majlis ini ialah DYAM Mejar Jeneral Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor dan turut dihadiri oleh Menteri Besar Johor, Datuk Haji Hasni Mohammad dan Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Dato' Azmi Rohani. Turut serta ialah Menteri Pengangkutan, YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong bersama Ketua Setiausaha MOT, YBhg. Datuk Isham Ishak.

Majlis penuh bersejarah ini turut disaksikan hampir 200 orang di pelbagai lokasi berbeza di Johor Bahru, Putrajaya dan Kuala Lumpur secara maya menerusi aplikasi Zoom.



Menteri Pengangkutan, YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong turut serta dalam “Majlis Pecah Tanah Projek Sistem Transit Rapid (RTS) Link” secara maya dari pejabat MOT di Putrajaya

Penyerapan Peranan Dan Fungsi JKJR Ke Dalam JPJ

Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) telah memutuskan bahawa peranan dan fungsi Jabatan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (JKJR) diserap ke dalam Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) berkuatkuasa pada 1 Mei 2020 bertujuan untuk memperkasakan serta memantapkan lagi jabatan/agensi di bawah MOT. Penyerapan ini adalah mengikut peruntukan undang-undang berkaitan pengangkutan jalan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) dan Kaedah-Kaedah Pengangkutan Jalan.

Penyerapan ini tidak melibatkan pembuangan kakitangan, sebaliknya kakitangan JKJR akan terus berkhidmat di JPJ bagi menjalankan tugas sebagai peneraju advokasi keselamatan jalan raya demi meningkatkan kesedaran keselamatan jalan raya serta mengurangkan kadar kematian dan kecederaan akibat kemalangan di jalan raya. MOT mengharapkan penyerapan ini akan menambahbaik dan mempertingkatkan lagi urusan tadbir jabatan khususnya dalam soal keselamatan jalan raya sekaligus membawa manfaat kepada rakyat Malaysia.

Pelancaran Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) 2020-2025



Ketua Setiausaha MOT, YBhg. Datuk Isham Ishak menyerahkan naskah Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) 2020-2025 kepada Menteri Pengangkutan, YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong

Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) telah melancarkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) 2020-2025 pada 30 Oktober 2020. Majlis telah disempurnakan oleh Menteri Pengangkutan, YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong bersama Timbalan Menteri Pengangkutan, YB Haji Hasbi Haji Habibollah dan Ketua Setiausaha MOT, YBhg. Datuk Isham Ishak.

Turut hadir ialah TKSU (Dasar), YBrs. Cik Normah Osman dan TKSU (Pengurusan), YBhg. Dato' Jana Santhiran Muniyan serta Ketua Unit Integriti MOT, YBhg. Dato' Tan Kang Sai.

OACP 2020-2025 MOT mengandungi 82 inisiatif yang merangkumi proses yang berkaitan perolehan, penguatkuasaan undang-undang, pengurusan kewangan dan pentadbiran dapat dijadikan sebagai panduan dan rujukan untuk mengesan, mencegah dan bertindak terhadap segala bentuk ketirisan, rasuah dan salah laku yang mungkin berlaku dalam sebarang urusan berkaitan dengan MOT, jabatan/agensi di bawah MOT serta pihak berkepentingan lain yang berkaitan.

OACP 2020-2025 MOT yang membuktikan komitmen MOT terhadap Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 juga menyediakan saluran dan menggalakkan pelaporan mengenai aktiviti berunsur rasuah menerusi Polisi Pemberian Maklumat (*Whistle Blower Policy*). Dokumen ini akan diedarkan ke semua jabatan/agensi dan unit di MOT. Di samping itu, setiap jabatan/agensi di bawah MOT juga diharapkan untuk membuat Kenyataan Polisi Antirasuah.

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2019 Dan Jasamu Dikenang 2020



Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2019 dan Jasamu Dikenang Tahun 2020 Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) telah diadakan pada 10 Ogos 2020 bertempat di Dewan Serbaguna, Aras 2, MOT. Majlis telah disempurnakan oleh Menteri Pengangkutan, YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong dan dihadiri oleh Timbalan Menteri Pengangkutan, YB Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah, Ketua Setiausaha MOT, YBhg. Datuk Isham Ishak serta barisan Pengurusan Tertinggi MOT.

Majlis ini diadakan bagi meraikan sejumlah 33 orang warga MOT yang telah menunjukkan prestasi dan perkhidmatan cemerlang sepanjang tahun 2019 serta bagi merakamkan penghargaan kepada seramai 2 orang kakitangan MOT yang bersara pada tahun ini. Satu acara simbolik bagi sambutan Hari ASEAN ke-53 Peringkat MOT turut berlangsung dengan diiringi nyanyian lagu tema ASEAN iaitu "*The ASEAN Way*". Di samping itu juga turut diadakan sambutan Bulan Kebangsaan 2020 Peringkat MOT.

Pra Pelancaran Kempen Keselamatan Berbasikal

Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) dan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) bersama-sama Perbadanan Putrajaya telah menganjurkan aktiviti "Pra Pelancaran Kempen Keselamatan Berbasikal" di Dataran Putra, Putrajaya pada 11 Disember 2020.

Kempen yang dilaksanakan bermula 11 Disember sehingga 31 Disember 2020 ini bertujuan untuk memupuk sikap menunggang basikal dengan selamat dan mematuhi peraturan jalan raya di kalangan pengguna basikal terutamanya di Putrajaya. Risalah dan poster mengandungi tip keselamatan telah diedarkan kepada penunggang basikal di beberapa lokasi yang menjadi tumpuan komuniti berbasikal di Putrajaya semasa program berlangsung.



Program ini telah dihadiri oleh Ketua Setiausaha MOT, YBhg. Datuk Isham Ishak, Presiden Perbadanan Putrajaya, YBhg. Datuk Muhammad Azmi Mohd Zain, Pengerusi MIROS, YBhg. Datuk Suret Singh dan Ketua Pengarah MIROS, YBrs. Ir. Ts. Dr. Khairil Anwar Abu Kassim. Agensi-agensi lain yang turut terlibat dalam menjayakan program ini adalah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Polis Diraja Malaysia (PDRM) IPD Putrajaya dan 3M selaku penaja bersama.

Program Kembali Ke Sekolah Dan Agihan Zakat



Kelab Sukan dan Kebajikan Kementerian Pengangkutan (KSKKP) telah menganjurkan Program Kembali Ke Sekolah Dan Agihan Zakat kepada warga Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) yang disempurnakan oleh Ketua Setiausaha MOT, YBhg. Datuk Isham Ishak. Seramai 104 pegawai dan kakitangan menerima sumbangan beg sekolah beserta alat tulis mewakili 231 orang anak-anak warga MOT.

Manakala seramai 63 orang warga MOT dan JPJ telah menerima sumbangan zakat yang disumbangkan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) melalui Pusat Zakat kepada pihak MOT.

KSKKP yang merupakan kelab kebajikan yang menganjurkan aktiviti-aktiviti sukan, kebajikan dan sosial warga MOT turut menerima sumbangan daripada jabatan dan agensi di bawah MOT pada majlis tersebut.



Program CSR Dan Aktiviti Riadah *White Water Rafting*

Kelab Sukan dan Kebajikan Kementerian Pengangkutan (KSKKP) dan PUSPANITA Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) telah menganjurkan program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) menceriakan rumah anak-anak yatim Rumah Dahikmah dan aktiviti riadah *White Water Rafting* di Gopeng, Perak pada 5 September 2020. Seramai 83 orang kakitangan MOT telah menyertai program yang diketuai oleh Ketua Setiausaha MOT, YBhg. Datuk Isham Ishak dan Pengerusi PUSPANITA MOT, YBhg. Datin Noor Laili Haji Hamzah.



Rumah Dahikmah yang terletak di Jalan Pintu Padang, Kampung Sungai Itek, Gopeng, Perak ini dihuni lebih 50 orang anak yatim. Di antara aktiviti yang dilaksanakan menerusi program ini ialah penyampaian sumbangan berbentuk wang tunai dan barangan keperluan harian serta pengagihan peralatan membendung pandemik COV ID-19 iaitu *face mask* serta *hand sanitizer*. Barangan yang diagihkan merupakan hasil sumbangan daripada warga MOT serta jabatan dan agensi di bawahnya. Datuk Isham Ishak juga telah melaksanakan acara penanaman pokok merbau yang telah disumbangkan oleh PUSPANITA Jabatan Perhutanan.



Bagi aktiviti riadah *White Water Rafting* pula, para peserta telah menghabiskan masa selama lebih 2 jam mengharungi Sungai Itek, Gopeng, Perak sepanjang 7 kilometer yang berbatu dengan laluan sempit beserta selekoh tajam yang mencabar ketahanan fizikal dan mental.

Diharapkan agar program CSR dan aktiviti riadah seperti ini dapat mengeratkan lagi hubungan silaturrahim sesama warga MOT selain dapat menyemai semangat kekitaan dan saling bekerjasama di antara satu sama lain.

Lawatan Kerja YB Menteri Dan YB Timbalan Menteri Pengangkutan Sepanjang Tahun 2020



YB Menteri ke ibu pejabat Lembaga Pelabuhan Klang (LPK)
pada 9 Julai 2020



YB Menteri ke Kompleks KL ATCC Baharu
pada 7 Ogos 2020



YB Menteri menaiki ETS dari KL Sentral ke Kampar
pada 9 Ogos 2020



YB Menteri ke ibu pejabat Keretapi Tanah Melayu
Berhad (KTMB) pada 5 Mei 2020



YB Timbalan Menteri ke tapak Projek Pembinaan Lapangan Terbang
Baharu Mukah, Sarawak pada 3 Julai 2020



YB Timbalan Menteri ke Makmal Provisional CRASE Crash Centre
(PC3) pada 30 Jun 2020



YB Timbalan Menteri ke ibu pejabat Agensi Pengangkutan
Awam Darat (APAD) pada 11 Jun 2020



YB Timbalan Menteri ke ibu pejabat Institut Penyelidikan
Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) pada 4 Jun 2020

Lawatan Kerja Ketua Setiausaha MOT Sepanjang Tahun 2020



Datuk KSU MOT menaiki ETS dari Stesen KL Sentral ke Batu Gajah, Perak pada 26 Jun 2020



Datuk KSU MOT melawat ke depot KTM Batu Gajah pada 26 Jun 2020



Datuk KSU MOT melawat lokasi pembinaan projek ECRL di sekitar Negeri Pahang pada 11 Julai 2020



Datuk KSU MOT ke Pelabuhan Kuantan pada 10 Julai 2020



Datuk KSU MOT ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan KLIA2 pada 5 Ogos 2020



Datuk KSU MOT melawat tapak ke Projek Naiktaraf Depoh Penyenggaraan Jentera Landasan di Shah Alam pada 14 Disember 2020

Kementerian Pengangkutan Malaysia

No. 26, Jalan Tun Hussein, Presint 4, 62100 Wilayah Persekutuan Putrajaya
Tel. : 03 8000 8000 • Faks : 03 8888 0158 • E-mel : aduan@mot.gov.my

www.mot.gov.my

[f](#) [t](#) [motmalaysia](#) [@](#) [ministryoftransportmy](#)

Pengangkutan Mampan Nadi Pembangunan Negara
Sustainable Transport the Heart Of National Development

Buletin MOT - Edisi 2020 | 10.
Diterbitkan oleh Unit Komunikasi Korporat (UKK) MOT